5.1	5.1.4	TATABAHASA

NOTA

1. **Kata sendi nama (KSN) *dari* dan *daripada* sering mengelirukan murid**
2. **Mereka menggunakan KSN *dari* di tempat *daripada* dan menggunakan KSN *daripada* di tempat *dari*.**
3. **KSN *dari* dan *daripada* hadir di hadapan kata nama atau fasa nama.**

Rumus Penggunaan KSN *dari* dan *daripada*

KSN ke

KSN	digunakan	Ayat contoh
dari	Untuk arah (A) tempat (T) dan masa (M).	1. Dia berasal ***dari*** Johor. 2. Saya telah menunggu mereka ***dari*** pukul lima petang.
daripada	untuk keanggotaan (K), abstrak (A), benda atau bandingan (B) orang atau organisasi (O) atau asal kejadian (S).	1. Pasukan itu terdiri ***daripada*** lima orang pemain. 2. Banyak manfaat yang kami peroleh ***daripada*** seminar tersebut. 3. Pintu itu dibuat ***daripada*** kayu nyatoh 4. Wang tersebut saya terima ***daripada*** ibu. 5. Benang itu berasal ***daripada*** kapas.

LIVEWORKSHEETS

LATIHAN

Isi tempat kosong dengan kata sendi nama yang sesuai dalam setiap ayat di bawah.

1. **Kapal itu datang _____ utara.**
2. **Rombongan kami terdiri _____ 40 orang murid.**
3. **Remaja hendaklah mengelakkan diri _____ bahaya dadah.**
4. **Saya menerima pesanan _____ ayah.**
5. **Saya membuat panggilan _____ Johor.**

LIVEWORKSHEETS